

TAJUK PUISI: KAMI SAYANG MALAYSIA

KHALID HUSSEINE BIN TUAH

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

(Pemenang Naib Johan Kategori Penciptaan Puisi Sayembara Dekon Piala YAB Ketua Menteri Sarawak Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2011 Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak)

Merdeka!

Kita perlu sayang merdeka ini

Tersebutlah kisah luka berdarah

Rasa amarah membawa padah

Rakyat resah tak tentu arah

Tanpa bersalah jiwa ditarah

Kita hayati kembali

Tragisnya Peristiwa 13 Mei 1969

Bermula dengan Pilihanraya Umum 1969

Parti pembangkang bersorak menang

Di sana sini berarak

Melaungkan kemenangan itu

Tanda puas, tanda kononnya bebas

Rupanya, acuan perpaduan menjadi pertaruhan

Martabat bahasa diperkotak-katikkan

Kedudukan hak dipersendakan

Taraf kerakyatan dipersoalkan

Apa sahaja yang jelek diluahkan

Lantas

Penghinaan dibalas dengan tragedi ini

Terjadinya pembunuhan di Setapak Kuala Lumpur

Penonton-penonton di Panggung Odeon dipancung

Wanita mengandung dibunuh

Anak-anak menangis ketakutan

Berlaku tembak-menembak

Dibakar! Dibaling! Dilontar!

Sadis! Kejam! Bergelimpangan! Bertempiaran!

Terlerai sudah akar perpaduan itu

Musnah dan punah!

Darurat diistiharkan!

Tolonglah! Kami tidak mahu lagi tragedi ini

Sayang benar kami dengan nikmat merdeka ini

Tahun 1970

Gemersik suara seruan perjuangan disahut

Dengan karisma Tun Abdul Razak

Ikhtiar terus dicari

Agar peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang lagi

Akhirnya, di bawah Jabatan Perpaduan Negara

Majlis Gerakan Negara, MAGERAN diwujudkan

Ideologi kebangsaan, Rukun Negara dicetuskan

Dalam intipati rukun negara

5 prinsip telah termaktub

Kepercayaan kepada tuhan

Kesetiaan kepada raja dan negara

Keluhuran perlembagaan

Kedaulatan undang-undang
Kesopanan dan kesusilaan
Tetapi, ada apa dengan rukun
Kalau tidak menghayatinya
Dan, ada apa dengan prinsip
Kalau tidak mengamalkannya

Kita telusuri batas sejarah
Di ambang tahun 1971
Dasar Ekonomi Baru dilancarkan
Yang telah mengembangkan kuntum perpaduan dan integrasi nasional
Semuanya ini untuk rakyat
Kerana kita sayang pada Malaysia

Kita tidak mahu
Trauma kesan dasar pecah dan perintah British terus menular
Yang mana, orang Melayu di kampung
Orang Cina di bandar dan lombong
Orang India pula di ladang
Akhirnya, perasaan curiga terus berapi-api
Menjadi bom jangka peristiwa berdarah 13 Mei 1969

Ayuh, kita sama-sama jayakan Dasar Ekonomi Baru
Kita serap semangat dan auranya
Berpegang dengan gemala cita serampang dua mata
Pertamanya, rimba kemiskinan dibasmi
Benih pendapatan rakyat bertumbuh
Tunas peluang pekerjaan untuk rakyat bercambah tanpa mengira kaum

Keduanya,
Proses penyusunan semula masyarakat dipercepatkan
Ketidakseimbangan ekonomi diperbetulkan
Pengenalan kaum dihapuskan
Walaupun resepinya bercampur kaum
Namun keharmonian tetap utuh dijaga rapi

Begitulah hebatnya Dasar Ekonomi Baru
Menjadi teras pembangunan negara
Penyuluh perpaduan rakyat Malaysia
Dengan DEB, Proton Saga telah dilancarkan
Jambatan Pulau Pinang direntangkan
Pendapatan rakyat meningkat

Diteruskan lagi dengan Dasar Pembangunan Nasional
Langkah kita seiring ke hadapan
Dengan transformasi Model Ekonomi Baru
Pendidikan anak bangsa terus diutamakan
Modal insan kelas pertama turut dijana
Lebih ramai jutawan negara dilahirkan
Angkasawan negara gah ke angkasa
Menjulang jalur gemilang di mata dunia

Yang muda kini, berhati juang untuk merasai
Yang tua kini, kepingin buahnya nanti
Mimpi itu sudah pasti
Kerana bangsa Malaysia percaya
Wawasan 2020 bukan retorik semata

Baik Melayu, baik Cina, baik India
Baik Bumiputera Sabah dan Sarawak
Semuanya berpimpin tangan bersama
Menggenggam erat semangat Satu Malaysia
Kerana kami sayang Malaysia

Hasil Nukilan:

Khalid Hussein Bin Tuah
Pegawai Latihan & Pendidikan Lanjutan
Politeknik Kuching Sarawak

RUJUKAN

Jabatan Penerangan Malaysia (2008). “Dasar Ekonomi Baru.”

http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=237:dasar-ekonomi-baru-&catid=88:dasar-dasar-negara Dicapai pada 7 Mei 2010.

Jabatan Penerangan Malaysia (2008). “Dasar Pembangunan Nasional.”

http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=241:dasar-pembangunan-nasional-dpn-&catid=88:dasar-dasar-negara. Dicapai pada 8 Mei 2010.

Penggerak Minda Rakyat (2008). “13 Mei, Sejarah Hitam Negara.” Majalah INFO. Bil 11/2008.

Ramlah Adam (2004). “Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra.” Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wikipedia Bahasa Melayu (2010). “Dasar Ekonomi Baru.”

http://ms.wikipedia.org/wiki/Dasar_Ekonomi_Baru Dicapai pada 7 Mei 2010.

Wikipedia Bahasa Melayu (2010). “Peristiwa 13 Mei.”

http://ms.wikipedia.org/wiki/Peristiwa_13_Mei. Dicapai pada 7 Mei 2010



Sijil Penyertaan

Dengan ini disahkan bahawa

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

telah menyertai


**SAYEMBARA DEKON PIALA YAB
KETUA MENTERI SARAWAK**

yang dianjurkan oleh

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SARAWAK**

pada

22 JUN 2011



[Signature]
Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak

BAHASA JIWA BANGSA



Sijil Penyertaan

Dengan ini disahkan bahawa

KHALID HUSSEINE TUAH

telah menyertai

**SAYEMBARA DEKON PIALA YAB
KETUA MENTERI SARAWAK
(TEMPAT KEDUA : PENCIPTAAN PUISI)**

yang dianjurkan oleh


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SARAWAK**

pada

22 JUN 2011

Sah seperti salinan asal
(Certified as true copy)

WISDAMUKHAR DIN HAJARI
Pegawai Penterjemah S&T
Pusat Mak. Kuching
Sarawak




Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak

BAHASA JIWA BANGSA